

Bajet 2017: Arahan PM kepada semua kementerian

UTUSAN

KUALA LUMPUR 23 Nov. - Datuk Seri Najib Tun Razak meminta setiap kementerian menyediakan perancangan terperinci bagi peruntukan dalam Bajet 2017 yang diluluskan semalam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan bertanggungjawab memastikan segala program diluluskan sampai kepada rakyat agar pelaksanaannya berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

"Alhamdulillah, Rang Undang-undang Perbekalan 2017 atau Bajet 2017 telah pun diluluskan di Dewan Rakyat.

"Saya ingin setiap kemen-

terian pastikan perancangan terperinci telah tersedia bagi peruntukan yang diberikan," katanya dalam catatan melalui laman Facebook beliau hari ini.

Semalam, Dewan Rakyat meluluskan Bajet 2017 menerusi undian belah bahagian dengan 105 Ahli Parlimen menyokong, 73 tidak bersetuju dan seorang berkecuali selepas dibahaskan sejak 24 Oktober lalu.

Najib yang juga Menteri Kewangan membentangkan Bajet 2017 pada 21 Oktober lalu yang memperuntukkan sebanyak RM260.8 bilion untuk perbelanjaan kerajaan tahun depan.